

02 SEP 1999

Abdullah-Kejam

PAK LAH SIFATKAN MEREKA YANG MENCELA MAHATHIR FIRAUN SEBAGAI KEJAM

BALING, 2 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menyifatkan mereka yang mencela Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "mahafiraun" sebagai kejam.

"Saya banyak kali terbaca dalam internet dan mendapati terdapat kata-kata celaan dan penghinaan terhadap Perdana Menteri seperti itu. Mereka ini saya anggap kejam dan tidak bertanggungjawab," katanya semasa berucap selepas majlis tahlil di Madrasah Kampung Charok Puteh Siong, dekat sini, malam ini.

Sebelum itu, beliau turut menunaikan solat Maghrib bersama lebih 500 penduduk kampung tersebut. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, mereka yang melakukan fitnah dan mencela Perdana Menteri seperti itu juga dianggap biadab, kerana mereka tidak sepatutnya menghina beliau sehingga ke tahap itu.

Katanya, di kalangan negara-negara Islam, Dr. Mahathir begitu dihormati dan disanjung tinggi, tetapi ada segelintir rakyat kita sanggup menghina beliau.

Contohnya, kata beliau, Dr Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin terulung Asia Tenggara sehinggakan Kerajaan Arab Saudi memberi penghormatan anugerah Faisal yang belum lagi diperolehi mana-mana pemimpin rantau ini.

Di samping itu, Abdullah berkata, akhir-akhir ini banyak pihak yang tidak faham menyatakan beliau (Abdullah) begitu membela Dr Mahathir, seolah-olah hendak membodek.

"Saya sebagai timbalannya tidak pernah rasa satu kekurangan terhadap kepimpinannya, walaupun dia begitu tegas dan berani menghadapi apa saja situasi," katanya.

Katanya, Dr Mahathir juga tidak pernah memaksa sesiapa pun mendengar kata-katanya, malah sedia mendengar pandangan dari mana-mana pihak.

"Sebagai contoh, pada mesyuarat kabinet, Mahathir pernah mengemukakan hujahnya tetapi tidak mendapat sokongan majoriti.

Namun beliau tetap menerima hakikat tersebut tanpa memaksa kami menyokongnya," kata Abdullah lagi.

--BERNAMA

MN zb